

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Media massa amat penting dalam kehidupan manusia kini. Industri media berbeza dengan industri lain kerana aktiviti dan produknya adalah istimewa. Melalui media massa, budaya simbolik dan nilai-nilai sosial disebarluaskan (Mackay & O'Sullivan, 2000:2). Oleh itu, media massa mempengaruhi cara makna-makna dicipta dan dikongsi dalam masyarakat (Baran, 2001).

Media massa utama pada zaman moden ialah buku, majalah, akhbar, televisyen, radio, rekod, filem dan web. Media massa tersebut membekalkan maklumat kepada setiap lapisan masyarakat. Laporan berita dapat menunjukkan dengan jelas bahawa media massa menjalankan fungsi *surveillance*, iaitu membekalkan maklumat tentang apa yang berlaku di dunia sekeliling (Vivian, 1999:389). Aktiviti mendapat maklumat daripada media massa telah menjadi satu keperluan kepada masyarakat moden. Semua ahli masyarakat memerlukan maklumat tersebut agar mereka tidak ketinggalan.

Pakar-pakar komunikasi liberal-pluralis seperti Wilbur Schramm dan Daniel Lerner mempunyai harapan tinggi terhadap media massa dalam pembangunan masyarakat. Media massa diandaikan dapat beroperasi secara demokratik (Mustafa, 1994:202), iaitu setiap ahli masyarakat mempunyai peluang yang sama untuk memasang, memiliki dan mengakses media massa. Pemimpin politik dan golongan intelektual negara membangun juga berpendapat bahawa media massa memainkan peranan penting untuk menggalakkan pembangunan masyarakat. Media massa berfungsi untuk menolong mereka yang telah

"ditinggalkan" dalam proses pembangunan, dengan membangunkan kepentingan mereka dalam politik mainstream (Mustafa, 1994:201).

Media massa juga memainkan peranan penting dalam proses sosialisasi manusia. Aktiviti menggunakan media massa boleh dijadikan aktiviti sosial yang membawa ahli masyarakat bersama. Media massa membina *togetherness* dengan mencipta persamaan [di kalangan pengguna-pengguna media massa] (Vivian, 1999:390).

Selain itu, media massa juga mengalihkan nilai-nilai budaya melalui sejarah. Generasi lepas bercakap dengan kita melalui media massa, khasnya melalui buku. Kita, tanpa disedari, juga bertutur dengan generasi yang akan datang dengan buku (Vivian, 1999:422). Dengan menggunakan media massa, manusia juga dapat melarikan diri daripada tekanan emosi dan merehatkan pemikiran kerana media massa membekalkan hiburan. Apabila seseorang itu berasa bosan, sedih atau marah, dia boleh menggunakan media massa untuk menghilangkan perasaan tersebut. Justeru itu, media massa memainkan peranan-peranan tertentu dalam kehidupan masyarakat moden. Pengguna menggunakan media massa untuk pelbagai tujuan supaya kehendak atau keperluan mereka dipenuhi dalam konteks yang berbeza.

1.2 Penyataan Permasalahan

Penggunaan media massa dalam masyarakat umum telah membawa kesan kepada masyarakat. Oleh itu, banyak kajian tentang penggunaan tersebut telah dijalankan. Sejak 1940-an, ramai sarjana komunikasi massa beralih daripada kajian media massa kepada kajian audiens. Sarjana-sarjana tersebut mengandaikan bahawa individu-individu menggunakan media massa untuk memenuhi keperluan mereka sendiri. Kerja mereka

dikenali sebagai kajian penggunaan dan kepuasan (*uses and gratification*) dan fokus mereka adalah bagaimana dan mengapa individu menggunakan media massa (Vivian, 1999:388). Persoalan utama kajian tersebut merangkumi "Mengapakah manusia melibatkan diri dalam sejenis *mediated communication* yang tertentu, atau yang lain?" dan "Apakah kepuasan yang diperoleh daripadanya?" (Ruggiero, 2000:29).

Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian mengenai penggunaan media massa tersebut adalah bersabit dengan masyarakat umum dan biasanya golongan minoriti seperti golongan istimewa jarang diberi perhatian yang sama atau memadai. Oleh itu, kajian ini cuba mengenalpasti pola penggunaan media massa bagi golongan minoriti, sebab-sebab yang mempengaruhi penggunaan media massa tersebut dan kepuasan yang diperoleh daripadanya.

1.3 Justifikasi Kajian

Kajian ini penting untuk pembangunan penyelidikan dalam bidang penggunaan media massa, yang bukan sahaja mengambil kira kepentingan masyarakat majoriti tetapi juga golongan minoriti. Kajian ini cuba memenuhi kekosongan dalam usaha memahami penggunaan media massa bagi golongan minoriti. Hal ini penting supaya pihak berkenaan, termasuk para pengusaha, merancang strategi baru untuk mencipta dan membaiki teknologi komunikasi, penyampaian dan saluran teks media massa agar kepentingan golongan minoriti terjamin.

1.4 Objektif Kajian

Objektif-objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenalpasti profil dan sifat golongan minoriti yang menggunakan media massa

- ii. Mengenalpasti jumlah wang yang digunakan oleh golongan minoriti untuk membeli media massa
- iii. Mengenalpasti jumlah masa penggunaan media massa bagi golongan minoriti
- iv. Mengenalpasti jenis media massa yang digunakan oleh golongan minoriti
- v. Mengenalpasti jenis media massa yang paling kerap digunakan oleh golongan minoriti
- vi. Mengenalpasti tempat dan waktu yang paling kerap digunakan oleh golongan minoriti untuk menggunakan media massa
- vii. Mengenalpasti tujuan-tujuan golongan minoriti menggunakan media massa
- viii. Mengenalpasti tahap kesukaan golongan minoriti untuk menggunakan media massa
- ix. Mengenalpasti jenis media massa yang paling suka digunakan oleh golongan minoriti
- x. Mengenalpasti masalah-masalah penggunaan media massa bagi golongan minoriti dan langkah-langkah untuk mengatasi masalah tersebut
- xi. Mengenalpasti peranan-peranan media massa bagi golongan minoriti
- xii. Mengenalpasti tahap kepuasan golongan minoriti selepas menggunakan media massa
- xiii. Mengenalpasti tahap kepentingan media massa bagi golongan minoriti

1.5 Kepentingan Kajian

- i. Kajian ini mengenalpasti sebab-sebab yang mempengaruhi penggunaan media massa bagi golongan minoriti. Hasil kajian ini dapat memanfaatkan pihak pengusaha yang ingin mengambil tindakan selanjutnya untuk membaiki teknologi komunikasi dan kandungan media massa.

- ii. Kajian ini melihat kedudukan media massa bagi golongan minoriti. Hasil kajian ini dapat menambahkan kesedaran, pemahaman dan prihatin para penyelidik, khususnya, dan masyarakat umum, amnya, tentang penggunaan media massa bagi golongan minoriti.
- iii. Kajian ini penting untuk memahami konteks penggunaan media massa di kalangan golongan minoriti. Hasil kajian ini akan memanfaatkan pihak berkuasa supaya menjadi lebih peka kepada keperluan dan masalah golongan minoriti dalam isu penggunaan media massa. Kepekaan tersebut dapat menjaga kepentingan dan menjamin masa depan golongan minoriti supaya mereka tidak ditinggalkan dalam arus pembangunan negara, khasnya apabila pihak berkuasa sentiasa menyeru ahli masyarakat untuk menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi yang moden agar dapat bersaing dengan pihak lain.

1.6 Skop Kajian

- i. Penggunaan media massa, sama ada secara individu atau dengan bantuan pihak lain, akan diambil kira dalam kajian ini kerana golongan minoriti (golongan istimewa) memerlukan bantuan pihak lain untuk menggunakan media massa tertentu.
- ii. Kajian ini hanya memilih masyarakat cacat penglihatan sebagai subjek kajian kerana penggunaan media massa secara individu bagi golongan minoriti ini adalah terbatas kepada media massa audio dan biasanya, mereka perlu bergantung kepada bantuan pihak lain untuk menggunakan media cetak.
- iii. Hanya masyarakat cacat penglihatan di Kuala Lumpur dipilih kerana sebagai ibu negara, Kuala Lumpur menyediakan paling banyak peluang bagi warga kota, termasuk golongan cacat penglihatan untuk mendapat segala akses media massa.